

18/10/2001

Siaran langsung Belanjawan 2002 di RTM, TV3, ntv7

BELANJAWAN 2002 yang akan dibentangkan Perdana Menteri di Parlimen pada jam 4 petang esok boleh disaksikan secara langsung menerusi saluran rangkaian televisyen RTM, TV3, dan ntv7.

Kementerian Kewangan, dalam kenyataannya, semalam berkata, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan itu juga akan disiarkan secara langsung menerusi laman web Perbendaharaan, <http://www.treasury.gov.my>

Salinan ucapan Belanjawan 2002 akan diedarkan selepas jam 5 petang di tingkat bawah Bangunan Perbendaharaan di blok 9, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Laporan Ekonomi 2001/2002 pula akan dijual pada harga RM60 senaskhah. Ia juga boleh diperolehi di Percetakan Nasional Bhd. Mereka yang berminat boleh menghubungi 03-92212022.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pula mengadakan pusat operasi khidmat khas sempena pengumuman belanjawan itu yang boleh dihubungi menerusi talian 03-62011179, 62013372, 62017829, 62018503, 62018505, 62018517, 62018493 dan 62018497.

Dalam kenyataannya, LHDN berkata, pusat operasi itu bagi membolehkan orang ramai mendapat maklumat dan penerangan lanjut mengenai isu percukaian.

Talian khas itu akan berfungsi dari jam 7 hingga 10 malam pada hari yang sama.

(END)